

No. 863

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA

STATUT UNIVERSITI MALAYA
(DEWAN ASRAMA-ASRAMA) 2024

Pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Malaya, Canselor membuat Statut yang berikut:

Nama

1. Statut ini bolehlah dinamakan Statut Universiti Malaya (Dewan Asrama-Asrama) 2024, dan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Dewan” ertinya Dewan Asrama-Asrama Universiti Malaya;

“Ketua Kolej Kediaman” ertinya individu yang dilantik sebagai Ketua atau Pengetua Kolej Kediaman;

“Kolej Kediaman” ertinya mana-mana Kolej Kediaman Universiti Malaya;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti Malaya;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaya;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya;

“Senat” ertinya Senat Universiti Malaya;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

Keahlian Dewan

3. (1) Dewan Asrama-Asrama hendaklah terdiri daripada—

(a) Naib Canselor sebagai Pengerusi;

(b) Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) sebagai Naib Pengerusi;

- (c) Bendahari Universiti;
 - (d) Pendaftar; dan
 - (e) Ketua-Ketua Kolej Kediaman bagi kesemua Kolej Kediaman.
- (2) Mana-mana individu lain boleh dijemput untuk menghadiri mesyuarat oleh Dewan, tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Dewan.
- (3) Pengerusi hendaklah melantik mana-mana pegawai atau pekerja Universiti yang bertanggungjawab dengan hal-ehwal pelajar menjadi Setiausaha Dewan.

Kuasa dan Tugas Dewan

4. Dewan Asrama-Asrama dengan ini diberi kuasa:
- (a) Untuk mempertimbangkan semua perkara yang berkaitan dengan Kolej Kediaman termasuk isu sahsiah pelajar dan untuk menasihati Lembaga dan Senat mengenainya;
 - (b) Untuk menerima anggaran tahunan hasil dan perbelanjaan setiap Kolej Kediaman dan mengemukakannya kepada Lembaga bersama ulasan Dewan;
 - (c) Untuk membahagikan kepada Kolej Kediaman apa-apa geran kewangan yang disediakan oleh Lembaga;
 - (d) Untuk menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa sebagaimana dan apabila perlu untuk membantu Dewan melaksanakan fungsi- fungsinya; dan
 - (e) Untuk menjalankan apa-apa kuasa dan fungsi yang mungkin diwakilkan oleh Lembaga kepada Dewan;

Mesyuarat

5. Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang boleh dibuat oleh Dewan, tarikh, tempat dan masa mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Pengerusi.
6. Dewan boleh membuat peraturan-peraturannya sendiri berkenaan tatacara Mesyuarat.
7. Minit mesyuarat Dewan hendaklah diedarkan kepada Lembaga.

Pembatalan

8. *Statute XX – College Delegacy 1964* adalah dibatalkan.

Dibuat 9 Disember 2024

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH
Canselor
Universiti Malaya